KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	22/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	JMG			

SH 22.12.2021_28

Perak mahu tambah kawasan Geopark Kebangsaan



Saarani (dua dari kiri) menyempurnakan gimik Majlis Prapelancaran PIBS 2022 di Dewan Serbaguna, Bangunan Perak Darul Ridzuan pada Selasa.

IPOH - Kerajaan Perak akan melihat potensi beberapa kawasan lain di negeri ini yang boleh diangkat menjadi Tapak Geopark Kebangsaan selain Lembah Kinta dan Lenggong.

Menteri Besar, Datuk Saarani Mohamad berkata, Perak mempunyai banyak lokasi yang boleh dicadangkan sebagai Tapak Geopark Kebangsaan sekali gus dapat menarik pelancong ke negeri ini.

Menurutnya, bagaimanapun pihak kerajaan negeri perlu berusaha untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan bagi mendapatkan pengiktirafan tersebut.

"Kita sebenarnya ada banyak tempat tetapi kita kena berusaha kerana untuk mendapatkan penarafan itu beberapa perkara perlu dipatuhi.

"Ada banyak tempat bersejarah kita kena cari dan jika sesuai dengan kriteria-kriteria ditetapkan, ia akan diisytiharkan sebagai Geopark Kebangsaan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Prapelancaran Pangkor International Boat Show (PIBS) 2022 di Dewan Serbaguna, Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai pengiktirafan Lenggong sebagai Tapak Geopark Kebangsaan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli pada Selasa.